

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (DARI PERAK)

TARIKH: 22 DISEMBER 2017

MUKA SURAT: 34

## Elak insiden panjat berulang, MBI bina Ipoh sekitar bandar raya

IPOH - Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) akan membina blok perkataan Ipoh di beberapa lokasi tumpuan bermula tahun hadapan.

Datuk Bandar Ipoh, Datuk Zamri Man berkata, langkah itu bertujuan mengelak insiden memanjat papan tanda berkenaan berulang, sekaligus memudahkan orang ramai terutamanya pelancong luar merakam

kenangan setiap kali mereka berkunjung ke bandar raya ini.

"Kita tak mahu lagi orang panjat tinggi-tinggi untuk bergambar.

"Sekarang kita letakkan perkataan Ipoh di People's Park, Bercham, Kinta City, dMeru dan lain-lain. Malah, kita boleh jual blok perkataan itu di peringkat antarabangsa," katanya pada sidang media selepas

mempengerusikan Mesyuarat Penuh Majlis Bulan Disember di Dewan Mesyuarat MBI, semalam.

Beliau berkata, usaha berkenaan juga boleh dijadikan inisiatif pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk memperkenalkan lokasi pelancongan sedia ada di negeri ini.

Pada Disember 2016, sekumpulan remaja lakukan aksi berbahaya apabila memanjat struktur papan tanda gergasi perkataan Ipoh yang berada pada ketinggian lebih 20 meter di Jalan Kuala Kangsar, di sini.

Pada September lepas pula, satu lagi papan tanda perkataan Ipoh yang berada di Kilometer 294.4 Lebuhraya Utara Selatan antara laluan Simpang Pulai-Gopeng dipasang dengan Jalur Gemilang.

Kedua-dua kejadian ini tular di media sosial akibat perbuatan pihak yang tidak bertanggungjawab itu.

Dalam perkembangan lain, Zamri turut menyuarakan rasa bangga apabila tandas di bawah seliaan PBT berkenaan memenangi anugerah sempena Pertandingan Tandas Bersih 1 Malaysia bagi kategori rumah ibadat, pejabat kerajaan dan restoran, baru-baru ini.

Katanya, kualiti kebersihan terutama di tandas awam perlu dikekalkan demi kebaikan bersama.

Turut mendapat pengiktirafan adalah Masjid Muhammadiyah (Masjid Cina Muslim) dan Pusat Transformasi Bandar (UTC).



Zamri (tengah) bersama Pengurus Besar UTC Perak, Romzi Zamrin (kanan) menunjukkan Anugerah Emas yang dimenangi.